

Subsidi Minyak Lebih Tinggi. Adakah Membebbankan Rakyat?

Berdasarkan pengiraan yang dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), menyatakan bahawa beban subsidi yang ditanggung oleh kerajaan dalam tempoh dua bulan ini (Januari-Februari 2006) sahaja mencapai sebanyak RM 644 juta.

*Oleh: MOHD ASHZA HARIL IHKRAM
FAKULTI EKOLOGI MANUSIA, UPM.*

Saya sebagai seorang mahasiswa terpanggil untuk membicarakan isu minyak yang kian mendapat liputan meluas oleh akhbar dan media elektronik mutakhir ini. Rata-rata rakyat kebanyakan ada yang mengeluh malah ada yang kecewa dengan kenaikan harga minyak ini dalam pasaran negara kita. Sememangnya hal ini tidak dapat dijangka, dan kita sebagai rakyat harus sedar pasaran komoditi bagi bahan mentah ini melambung tinggi harganya di pasaran dunia.

Kerajaan banyak menanggung beban

subsidi petroleum berikutan kenaikan harga bahan mentah tersebut. Hal ini menyebabkan kerajaan memberi subsidi ke atas produk petroleum bagi memastikan harga runcit dalam negara berada pada paras berpatutan dan mengurangkan beban rakyat. Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan E-Nelayan dan 'Fleetcard' (hanya 21 kategori kenderaan perdagangan yang layak) mengikut Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) sebagai langkah alternatif yang wajar. Langkah ini diperkenalkan dengan tujuan mengatasi masalah penyeludupan subsidi diesel. Selain itu, 21 kategori kenderaan yang layak ini adalah berdasarkan pengangkutan yang membawa barang pengguna. Kebaikan penggunaan 'Fleetcard' ialah harga barang pengguna dapat dikawal dan

tidak boleh dinaikkan dengan sewenang-wenangnya jika berlaku peningkatan harga minyak, seterusnya dapat mengurangkan kadar inflasi dalam negara.

Berdasarkan pengiraan yang dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), menyatakan bahawa beban subsidi yang ditanggung oleh kerajaan dalam tempoh dua bulan ini (Januari-Februari 2006) sahaja mencapai sebanyak RM 644 juta. Perbezaan di antara aliran harga runcit gas petroleum cecair (LPG) dengan harga sebenar LPG sekilogram bagi Februari 2006 masing-masing adalah RM 1.45 sekilogram dan RM 3.07 dengan mencatat perbezaan RM 1.62 sekilogram. Perbezaan ini sahaja jelas menunjukkan kerajaan terpaksa menanggung jauh lebih

tinggi berbanding harga runcit yang telah ditetapkan di pasaran. Kerajaan juga telah pun menetapkan tidak ada lagi kenaikan hanya minyak petroleum untuk tahun ini dengan kadar yang konsisten.

Sesungguhnya, kerajaan prihatin demi menjaga kepentingan rakyat. Oleh yang demikian, kerajaan berusaha sedaya upaya untuk mengawal permasalahan yang dihadapi oleh pengguna dengan menyediakan subsidi bagi meringankan beban pengguna terhadap produk petroleum ini. Kerajaan juga mengusulkan rakyat supaya berjimat cermat menggunakan bahan api ini di samping dengan langkah menggunakan pengangkutan awam sebagai alternatif untuk urusan ke tempat kerja seharian.

(Sumber diperoleh daripada surat pendapat yang diemelkan ke tribunputra_bkk@yahoo.com)